

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
[PENGERANG]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 24

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasional RUU IPCMC menetapkan bahawa EAIC dibubarkan apabila IPCMC ditubuhkan memandangkan skop EAIC adalah luas bagi memantau agensi penguatkuasaan lain selain pasukan polis dan adakah Kerajaan bercadang menghantar RUU IPCMC ke Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang supaya penambahbaikan tertentu dibuat.

**JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bermula daripada penubuhannya sehingga sekarang, EAIC menerima sebanyak 75% aduan berkenaan anggota PDRM dan manakala selebihnya adalah terhadap 20 agensi penguatkuasaan lain. Dalam hal ini, walaupun skop EAIC dilihat lebih meluas dalam memantau lebih banyak agensi penguatkuasaan, kuasa EAIC adalah terbatas memandangkan ia hanya boleh membuat pengesyoran kepada Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) agensi penguatkuasaan tersebut.

2. IPCMC dikhususkan hanya kepada anggota PDRM kerana ia telah diperuntukkan dengan satu bidang kuasa baharu iaitu kuasa kawalan tatatertib selaras dengan proviso kepada Perkara 140(1) Perlembagaan

Persekutuan yang membenarkan suatu badan lain selain daripada Suruhanjaya Pasukan Polis untuk menjalankan kuasa kawalan tatatertib ke atas pasukan polis.

3. Walau bagaimanapun, tiada peruntukan yang sama seperti ini diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan untuk Suruhanjaya Perkhidmatan yang lain sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, skop dan pemakaian IPCMC hanya terpakai untuk PDRM sahaja selaras dengan hasrat IPCMC menjadi PBT kepada PDRM sebagaimana yang dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Dewan Rakyat yang bersidang pada 7 Oktober 2019 (Isnin) telah bersetuju sebulat suara berkenaan usul untuk menghantar RUU IPCMC ke Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang bagi tujuan penambahbaikan.

5. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah menjalankan beberapa siri libat urus (*engagement*) bersama pihak-pihak berkepentingan, pemegang taruh dan media bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan penambahbaikan. Antara siri konsultasi dan sesi libat urus yang telah dianjurkan adalah seperti yang berikut:

- (i) sesi penerangan mengenai RUU IPCMC antara YB Menteri dengan Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara, wakil Majlis Peguam dan wakil-wakil *civil society organisation* (CSO) dan badan bukan kerajaan (NGO) yang antara lainnya seperti Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), *Institute of Strategic Analysis and Policy Research* (INSAP), *Lawyers for Liberty*, *Asian Intergovernmental Commission on Human Rights* (AICHR), *Malaysian Centre for Constitutionalism and Human Rights* (MCCHR) dan *Human Right Watch*;

NO. SOALAN : 24

- (ii) sesi penerangan RUU IPCMC oleh YB Menteri kepada Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara, wakil daripada Pertubuhan Peguambela Sarawak, wakil Pertubuhan Undang-undang Sabah (SLS) dan wakil-wakil CSO dan NGO yang antara lainnya seperti wakil Pertubuhan Pertolongan Wanita, *The Centre to Combat Corruption and Cronyism (C4 Centre)*, TENAGANITA dan wakil Parti Sosialis Malaysia;
- (iii) sesi libat urus dan penerangan RUU IPCMC 2019 bersama ketua pengarang media / editorial; dan
- (iv) sesi penerangan dan perbincangan RUU IPCMC oleh YB Menteri dengan wakil PDRM, Persatuan Pegawai Kanan Polis, Persatuan Pegawai Rendah Polis dan Persatuan Pegawai Kanan Polis Bersara (RESPA).

Sekian, terima kasih.